

AKTIVITI UASA 4 Kata Sendi Nama

Format Terbaharu UASA

Sodan 1 hingga 40

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Itik-itik peliharaan Mak Lijah itu berjalan beriring-irngan menuju ke kolam _____ belakang rumahnya.
A antara C bagi
B di D oleh
2. Pekerja-pekerja Puan Salina bekerja dari pagi hingga _____ malam untuk menyiapkan tempahan kuih baulu.
A dari C ke
B kepada D di
3. Sewaktu operasi itu, pihak kastam telah merampas berkotak-kotak mercun yang diseludup _____ negara China.
A dari C dalam
B daripada D kepada
4. Pinggan mangkuk porselin yang dihiasi corak bunga-bunga mendapat sambutan yang baik _____ peminat porselin.
A untuk C dengan
B antara D daripada
5. Taman Botani dan Taman Wetland sering menjadi tumpuan pengunjung terutamanya _____ hujung minggu.
A di C pada
B kepada D umpama
6. Yang di-Pertuan Agong mengingatkan rakyat jelata supaya mengamalkan sikap tolong-menolong antara satu sama lain _____ kehidupan sehari-harian.
A demi
B dalam
C bagi
D untuk

Sodan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7. Nenek menaburkan padi usang itu ke tanah _____ dimakan oleh ayam-ayam peliharaannya.
A untuk C daripada
B sampai D kepada
8. Sofea rindu _____ kedamaian kampung neneknya yang terletak di kaki Banjaran Tahan.
A pada C antara
B akan D dari
9. Empat orang pendaki yang hilang sejak tiga hari yang lalu telah dijumpai _____ dalam hutan tebal di kaki Gunung Ledang.
A hingga C di
B seperti D antara
10. Ellina telah terpilih sebagai pemain boling terbaik _____ Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia.
A oleh C akan
B pada D bagi
11. Tengku Zubaidah telah banyak mengorbankan masanya _____ membantu kanak-kanak yang menghidap penyakit AIDS di rumah kebajikan itu.
A tentang C untuk
B di D kepada

12. Ibu mengucapkan terima kasih _____ Puan Norma kerana menjaga rumah sepanjang kami bercuti di Sabah.
A untuk
B kepada
C daripada
D dengan
13. _____ Rahayu dan Batrisya. Rahayu lebih cekap menjaringkan gol dalam permainan hoki itu.
A Dalam
B Terhadap
C Antara
D Sebagai
14. Hubungan antara Waheda dan Aniza _____ belangkas kerana mereka sentiasa berdua ke mana sahaja mereka pergi.
A terhadap
B seperti
C hingga
D demi

Soalan 15 berdasarkan gambar di bawah.



15. Lelaki itu meminta sedikit makanan daripada tukang masak itu _____ anaknya yang kelaparan di rumah.
A demi
B pada
C daripada
D sampai
16. Pak long berjanji akan menanggung perbelanjaan abang di luar negara _____ tamat pengajiannya kelak.

- A dari
B pada
C daripada
D sampai
17. Pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha _____ mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan penduduk di luar bandar.
A pada
B tentang
C oleh
D untuk
18. Suara penyanyi itu sungguh merdu _____ buluh perindu apabila mendendangkan lagu-lagu Melayu asli.
A sampai
B umpama
C demi
D daripada
19. Kawasan peranginan yang menjadi tumpuan para pelancong itu terletak lebih kurang 1 000 meter _____ aras laut.
A dari
B daripada
C dengan
D dalam
20. "_____ pendapat saya, tabiat membaca perlu disemai sejak kecil lagi," kata Fadilah kepada Tahir.
A Pada
B Daripada
C Kepada
D Dalam
21. Murid-murid Tahun Enam Musytari sedang berbincang _____ aktiviti yang akan diadakan pada Hari Sukan nanti.
A demi
B tentang
C umpama
D dengan